

**PERTANDINGAN MELUKIS POSTER KESELAMATAN
PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KEEMPAT
PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA 2016
1 OKTOBER HINGGA 30 NOVEMBER 2016**

Pengenalan

Pertandingan ini bertujuan mencungkil bakat melukis di kalangan warga Persekutuan Pengakap Malaysia meliputi Pemimpin, Pengakap Kelana, Pengakap Remaja, Pengakap Muda dan Pengakap Kanak-Kanak, di mana poster yang dipilih sebagai pemenang akan dijadikan poster keselamatan rasmi PPM oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko bagi mempromosikan sekaligus memartabatkan aspek pengurusan risiko dan keselamatan di kalangan warga Pengakap di Malaysia.

Tema

Tema pertandingan ini ialah **aspek-aspek keselamatan di dalam aktiviti kepengakapan** seperti perkhemahan, berenang, ekspedisi, berbasikal, berkayak dan sebagainya.

Kategori dan Hadiah

Kategori	HADIAH			
	Tempat Pertama	Tempat Kedua	Tempat Ketiga	Saguhati (10 orang)
-A- Pemimpin & Pengakap Kelana	RM 2,000	RM 1,500	RM 1,000	RM 250
-B- Pengakap Remaja	RM 1,500	RM 1,000	RM 500	RM 200
-C- Pengakap Muda	RM 1,000	RM 750	RM 500	RM 150
-D- Pengakap Kanak-Kanak	RM 800	RM 600	RM 400	RM 100
HURAIAN KATEGORI				
1. Pemimpin Pengakap – Individu yang mempunyai tauliah sebagai Pemimpin Pengakap 2. Pengakap Kelana – Ahli Pengakap yang telah berdaftar sebagai Ahli Kelana (lepasan SPM) 3. Pengakap Remaja – Ahli Pengakap di tingkatan menengah atas (tingkatan 4 dan 5) 4. Pengakap Muda – Ahli Pengakap di tingkatan menengah bawah (tingkatan 1, 2 dan 3) 5. Pengakap Kanak-kanak – Ahli Pengakap di sekolah rendah				

Syarat-Syarat Pertandingan

1. Pertandingan ini adalah terbuka kepada warga Pengakap dari seluruh negara yang berdaftar dengan Persekutuan Pengakap Malaysia bagi tahun 2016.
2. Terdapat empat (4) kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori A - Pemimpin/Pengakap Kelana, Kategori B - Pengakap Remaja, Kategori C - Pengakap Muda dan Kategori D - Pengakap Kanak-Kanak.
3. Poster yang dihasilkan hendaklah bertemakan aspek-aspek keselamatan dalam aktiviti kepengakapan seperti perkhemahan, berenang, ekspedisi, berbasikal, berkayak dan sebagainya.
4. Setiap poster hendaklah turut disertakan dengan ayat tema (*caption*) yang dapat menyampaikan mesej keselamatan. Senarai ayat tema ada disertakan bersama pada **LAMPIRAN 2**.
5. Setiap penyertaan hendaklah dilukis di atas kertas lukisan bersaiz A3 sahaja (297 x 420mm).
6. Genre lukisan adalah terbuka sama ada menggunakan pensil warna, krayon atau warna air.
7. Semua poster yang dihantar untuk memasuki pertandingan ini adalah hak milik mutlak Jawatankuasa Pengurusan Risiko PPM dan akan digunakan sebagai poster keselamatan untuk mempromosikan elemen pengurusan risiko dan keselamatan di kalangan ahli-ahli Pengakap di seluruh negara.
8. Setiap peserta hanya boleh menghantar hanya **SATU** penyertaan sahaja.
9. Slip penyertaan hendaklah diisi dengan lengkap dan ditampal di bahagian belakang kertas lukisan bagi memudahkan urusetia untuk menghubungi pemenang. Sampel slip penyertaan ada disertakan bersama pada **LAMPIRAN 3**.
10. Peserta Unit Kanak-Kanak, Muda dan Remaja yang menyertai pertandingan ini boleh dipertimbangkan oleh Pemimpin masing-masing untuk dianugerahkan Lencana berkaitan seni lukis yang bersesuaian mengikut skim latihan masing-masing.
11. Semua peserta yang menghantar penyertaan akan diberikan sijil penyertaan oleh Persekutuan Pengakap Malaysia. Peserta yang menang tempat pertama, kedua dan ketiga akan mendapat sijil khas tambahan.

12. Semua keputusan adalah muktamad. Sebarang bantahan, pertikaian dan surat-menyurat tidak akan dilayan. Untuk sebarang pertanyaan berkenaan pertandingan ini, boleh menghubungi Encik Abdullah Sani bin Hillaluddin, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko PPM di talian 019 – 767 2147 atau Encik Akhtar Nurfitri bin Mat Zain, Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Risiko PPM di talian 012 – 503 8384.

13. Semua hasil karya hendaklah dihantar sebelum **30 November 2016** kepada:

**Sekretariat Pertandingan Melukis Poster Keselamatan
Peringkat Kebangsaan PPM 2016
d/a Persekutuan Pengakap Malaysia,
Rumah B-P, Jalan Hang Jebat,
50150 Kuala Lumpur**

14. Para pemenang akan dihubungi oleh pihak sekretariat selepas 15 Disember 2016.

15. Majlis penyampaian hadiah akan diadakan di Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Malaysia di Jalan Hang Jebat, Kuala Lumpur pada bulan Januari 2017. Tarikh majlis tersebut akan dimaklumkan kemudian. Majlis penyampaian ini akan melibatkan pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga sahaja untuk setiap kategori iaitu Kategori A, B, C dan D.

16. Sijil penyertaan akan dihantar melalui pos.

**SENARAI SLOGAN KESELAMATAN
PERTANDINGAN MELUKIS POSTER KESELAMATAN PPM
PERINGKAT KEBANGSAAN 2016
1 OKTOBER HINGGA 30 NOVEMBER 2016
(UNTUK DIGUNAKAN DALAM POSTER)**

BAHASA MELAYU

1. KESELAMATAN HARI INI UNTUK KEHIDUPAN HARI ESOK
2. UTAMAKAN KESELAMATAN
3. KESELAMATAN SAYA, TANGGUNGJAWAB SAYA
4. KESELAMATAN KITA, KOMITMEN BERSAMA
5. KESELAMATAN BERMULA DENGAN SAYA
6. KECUAIAN MEMBUNUH
7. MENGELAKKAN KEMALANGAN, SENTIASA JADI KEUTAMAAN
8. BERPENGAKAP DENGAN SELAMAT
9. SAYANGI DIRI ANDA – KESELAMATAN AGENDA UTAMA
10. KESELAMATAN KUNCI KEJAYAAN
11. KETEPIKAN EGO – URUSKAN RISIKO
12. KECUAIAN DIRI – PUNCA TRAGEDI
13. AKTIVITI DIUTAMA, KESELAMATAN SENTIASA
14. PASTIKAN ANDA SELAMAT – ELAKKAN JALAN SINGKAT
15. JAGA KEBERSIHAN, ELAKKAN KEMALANGAN
16. PROMOSIKAN KESELAMATAN DALAM KEPENGAKAPAN
17. KESELAMATAN DIKETEPI – MALAPETAKA MENGIRINGI
18. AKTIVITI MENCABAR – KECEDERAAN SIFAR
19. KEGEMBIRAAN BERKEKALAN TANPA KEMALANGAN
20. KESELAMATAN MENTRANSFORMASI KEPENGAKAPAN

BAHASA INGGERIS

1. SAFE TODAY WILL KEEP YOU ALIVE TOMORROW
2. SAFETY FIRST
3. PROMOTE SAFETY IN ALL WE DO
4. THINK SAFETY! Watch your THOUGHTS; they become WORDS.
5. TALK SAFETY! Watch your WORDS; they become ACTIONS.
6. TEACH SAFETY! Watch your ACTIONS; they become HABITS.
7. WORK SAFELY! Watch your HABITS; they become CHARACTER.
8. LIVE SAFELY! Watch your CHARACTER; it becomes your DESTINY.
9. TAKE SAFETY SERIOUSLY AND FOLLOW IT METICULOUSLY
10. ACTIVITY FIRST – SAFETY ALWAYS
11. ALWAYS ASSESS THE RISKS, STOP AND THINK
12. ALWAYS TAKE THE SAFEST PATH, NEVER TAKE SHORTCUTS
13. ACCIDENT PREVENTION – YOUR NO. 1 INTENTION
14. ACCIDENTS BIG OR SMALL, AVOID THEM ALL
15. SAFETY IS KEY, IT IS UP TO YOU AND ME!
16. SAFETY IS “MY RESPONSIBILITY”
17. SAFETY BY CHOICE, NOT BY CHANCE
18. SAFETY FIRST MAKES US LAST
19. DON’T BE HASTY WHEN IT COMES TO SAFETY
20. TO AVOID A SCENE, KEEP YOUR WORKPLACE CLEAN

**SAMPEL SLIP PENYERTAAN
PERTANDINGAN MELUKIS POSTER KESELAMATAN PPM
PERINGKAT KEBANGSAAN 2016
1 OKTOBER HINGGA 30 NOVEMBER 2016
(UNTUK DIISI DAN DILEKATKAN DI BELAKANG POSTER)**

 SLIP PENYERTAAN PERTANDINGAN MELUKIS POSTER KESELAMATAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2016	
NAMA	
NO. K.P. / SRT. BERANAK	
ALAMAT	
NO. TEL.	
E-MEL	
SEKOLAH	
KUMPULAN	
DAERAH	
NEGERI	
COP SEKOLAH / KUMPULAN	